# PPP UPMKB ANJUR KURSUS PENTERNAKAN ITIK PENELUR

**SUMBER :UTUSAN BORNEO SARAWAK - RENCANA - MS: 9**



**SELESAI:** Para penganjur dan peserta Kursus Penternakan Itik Penelur anjuran PPP UPMKB bergambar bersama sebelum bersurai.

## PPP UPMKB anjur Kursus Penternakan Itik Penelur

Sumbangan UPMKB

**PUSAT** Pertanian Putra (PPP) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) telah menganjurkan Kursus Penternakan Itik Penelur pada 27 Ogos lepas di Dewan Kuliah Pusat 2A, Kompleks Akademik Pusat UPMKB.

Seramai 53 peserta dari seluruh pelosok negeri Sarawak telah menyertai kursus sehari suntuk ini.

Pegawai Pertanian Kanan, Pusat Pertanian Putra UPMKB Nalong Buda, selaku penyelaras kursus menerangkan bahawa penganjuran kursus ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada keperluan umum dan pengurusan kesihatan itik amnya dan itik penelur khasnya, penyediaan dan penghasilan makanan untuk itik penelur, potensi penternakan itik penelur untuk menjana pendapatan dan meningkatkan sosioekonomi peserta khasnya dan penduduk luar bandar amnya serta memberi peluang kepada pengusaha ladang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang betul dalam pengurusan ternakan itik penelur bagi memperolehi hasil yang berkualiti tinggi.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Pertanian Putra UPMKB Prof Madya Dr Amy Halimah Rajaee, kursus ini merupakan kursus yang keempat daripada lapan kursus yang dirancang pada tahun 2022 dalam merealisasikan program University for Society (U4S) atau IPT for Society@Keluarga Malaysia (UNITY) melalui program pemindahan teknologi pertanian yang berpaksikan kemajuan dan kesejahteraan komuniti.



**SIJIL:** Amy Halimah menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus.

Bidang usaha seperti penternakan itik penelur sangat sesuai diceburi oleh kaum ibu atau golongan yang akan bersara sebagai hobi untuk mengisi masa lapang mereka di samping mendatangkan pulangan yang lumayan memandangkan telur itik sentiasa mendapat permintaan yang tinggi di pasaran tempatan.

Bidang usaha ini juga tidak terlalu membebankan pengusaha seperti sesetengah bidang usaha yang lain kerana tidak bersifat "labour intensive" malah merupakan sejenis hobi yang sihat dan menguntungkan.

PPP UPMKB merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penganjuran kursus ini.



**MENGGALAKKAN:** Para peserta Kursus Penternakan Itik Penelur merakam gambar kenangan.

Ucapan penghargaan juga ditujukan khas buat Pengarah Kampus UPMKB, Prof Dr Shahrul Razid Sarbini kerana sentiasa memberikan galakan dan sokongan kepada PPP UPMKB untuk menganjurkan kursus-kursus seumpama ini dengan bayaran yuran yang minimum bagi memanfaatkan bidang kepakaran yang dimiliki oleh pegawai akademik dan pegawai bukan akademik UPMKB agar dapat dikembangkan kepada komuniti setempat khasnya dan masyarakat umum amnya sejajar dengan cogan kata keramat UPM 'Berilmu Berbakti.'



**AMALI:** Dr Carlina Freddie Simol mengendalikan kursus amali penyediaan telur masin.

Kemaskini:: 26/09/2022 [hairul_nizam]

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

-

spk@upm.edu.my

**TALIAN KECEMASAN**
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

**FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)**
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.r
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_k
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_u
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landin
Takwim UPM 2023 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20221222

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

**© 2023 Universiti Putra Malaysia**

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda
HANTAR

WWGTIA:08:44